



## SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 5 TAHUN 1981

Tuan,

PERLANJUTAN PENGGUNAAN PERATURAN-PERATURAN LEMBAGA  
TATATERTIB PERKHIDMATAN AWAM 1972 (P.U. (A) 48/72) KEPADA  
PEGAWAI-PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM AM PERSEKUTUAN  
DI NEGERI-NEGERI SABAH DAN SARAWAK

### 1. Akta Perlembagaan (Pindaan) 1981

1.1. Saya adalah diarah menarik perhatian tuan kepada pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan yang dibuat baru-baru ini melalui Akta Perlembagaan (Pindaan) 1981 (Akta A514). Melalui Perkara 13 Akta tersebut Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Cawangan Sabah dan Sarawak adalah dimansuhkan. Pindaan juga telah dibuat kepada Perkara 139 di mana melalui pindaan ini bidangkuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam adalah juga meliputi :

- (a) Anggota-anggota Perkhidmatan Awam Am Persekutuan yang diambil bekerja dalam sesuatu Jabatan Persekutuan di Negeri Sabah atau Sarawak ;
- (b) Anggota-anggota Perkhidmatan Awam Negeri Sabah atau Sarawak yang dipinjamkan ke Perkhidmatan Awam Am Persekutuan; dan
- (c) Anggota-anggota Perkhidmatan Awam Negeri Sabah atau Sarawak yang berkhidmat dalam jawatan-jawatan Persekutuan atau dalam mana-mana jawatan-jawatan yang dijadikan jawatan Persekutuan di Negeri itu dan yang telah membuat pilihan untuk menjadi anggota-anggota Perkhidmatan Am Persekutuan.

### 2. Peraturan-peraturan Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam 1972

2.1 Perkara 144 (1) Perlembagaan Persekutuan menetapkan tugas-tugas Suruhanjaya Perkhidmatan termasuk Suruhanjaya Perkhidmatan Awam antara lainnya ialah mengenai kawalan tatatertib ke atas kakitangan awam yang termasuk di bawah bidangkuasanya. Walau bagaimanapun Yang di-Pertuan Agong melalui kuasa yang diberi di bawah Perkara 144 (5B) (i) telah memindahkan sebahagian daripada kuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam berhubung dengan tatatertib kepada Lembaga - lembaga. Tatatertib Perkhidmatan Awam yang ditubuhkan di bawah [Peraturan-peraturan Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam 1972 melalui P.U. \(A\) 48](#) dan pindaan-pindaannya dalam P.U. (A) 195/79 dan P.U. (A) 171/80.

2.2 Dengan berkuatkuasanya Akta A514 Akta Perlembagaan (Pindaan) 1981, maka dengan ini [Peraturan-peraturan Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam 1972](#) termasuk pindaan-pindaannya adalah juga dikuatkuasakan di Negeri-negeri Sabah dan Sarawak bagi semua anggota-anggota perkhidmatan awam Persekutuan di kedua-dua buah Negeri tersebut. Dengan itu Lembaga-lembaga Tatatertib di Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan yang ditubuhkan di bawah [Peraturan - peraturan Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam 1972](#) adalah mempunyai kuasa untuk menimbangkan semua tindakan tatatertib ke atas anggota-anggota perkhidmatan awam Persekutuan di Negeri-negeri Sabah dan Sarawak. Dalam menimbangkan urusan tatatertib di Jabatan-jabatan Persekutuan dan Jabatan-jabatan yang dipersekutukan di Negeri-negeri Sabah dan Sarawak, Lembaga-lembaga Tatatertib yang berkenaan hendaklah mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan dalam [Perintah-perintah Am Pegawai Awam \(Kelakuan dan Tatatertib\) Bab "D" 1980 \(P.U. \(A\) 203/80\)](#), [Peraturan-peraturan Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam 1972 \(P.U.](#)

[\(A\) 48/72](#) dan apa-apa juga Pekeliling Perkhidmatan dan Surat Pekeliling Perkhidmatan yang berkaitan, yang dikeluarkan dari masa ke semasa.

### 3. Keanggotaan Lembaga Tatatertib dan Lembaga Rayuan Tatatertib

3.1 Keanggotaan Lembaga-lembaga Tatatertib dan Lembaga-lembaga Rayuan Tatatertib bagi pegawai-pegawai awam Persekutuan di Negeri-negeri Sabah dan Sarawak hendaklah mengikut sebagaimana yang terdapat dalam [Peraturan-peraturan Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam 1972](#).

### 4. Pemakaian Peraturan

4.1 Ketua-ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua-ketua jabatan yang berkenaan adalah diminta untuk menubuhkan Lembaga-lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam di Jabatan-jabatan Persekutuan di Negeri-negeri Sabah dan Sarawak dengan seberapa segeranya mengikut peraturan-peraturan yang dinyatakan di perenggan 3 di atas. Satu salinan mengenai keanggotaan Lembaga-lembaga Tatatertib itu hendaklah dikemukakan ke jabatan ini untuk semakan dan rekod.

4.2 Ketua-ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua-ketua Jabatan yang berkenaan juga adalah diminta untuk memaklumkan peraturan ini kepada semua pegawai - pegawai awam Persekutuan di Negeri-negeri Sabah dan Sarawak untuk makluman mereka. Sekiranya ada sebarang keraguan, perkara itu hendaklah dirujuk kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia.

### 5. Tarikh Berkuatkuasa

5.1 Surat Pekeliling Perkhidmatan ini hendaklah disifatkan telah berkuatkuasa mulai dari 15hb Mei, 1981.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(SULAIMAN BIN HASHIM)  
*Pengarah Bahagian Perkhidmatan,  
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,  
Malaysia.*

11hb November, 1981

Semua Ketua Setiausaha Kementerian,  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan,  
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri.